

Karangan Deskriptif 3

Kamu dan rakan-rakan kamu telah keluar untuk bergembira. Tiba-tiba berlaku kecelakaan yang tidak diduga. Gambarkan bagaimana kecelakaan itu berlaku dari mula hingga akhir serta bagaimana peristiwa itu merubah kehidupan kamu. [Incident]

<p>Introduction</p> <p>Fly on a wall</p> <ul style="list-style-type: none"> • Suspense Element <p><i>Incident</i></p>	<p>Bunyi semboyan polis yang nyaring sekali menarik perhatian semua pengunjung di pusat makanan Newton. Namun, ia tidak mampu menghasilkan kedut perhatian pada dahi seorang pemuda yang terbaring dalam pangkuan teman wanitanya. Wajahnya semaking pucat, bagai ditoreh tiada darah. Matanya tidak berkelip, hanya merenung pada suatu sudut sahaja. Tiada jelas apa yang diperhatikannya. Darah yang mengalir keluar daripada tusukan pisau pada perutnya masih mengalir tanpa henti-henti [INCIDENT]. Bila seseorang ingin mencabutnya keluar, dia dinasihati agar tidak berbuat demikian, takut-takut darah akan mengalir keluar dengan lebih banyak nanti. Kumpulan pengunjung yang berkumpul di sekeliling pemuda itu semakin ramai. Dua orang pegawai polis tiba dan mengarahkan orang ramai untuk memberikan ruang. Ambulan akan tiba tidak lama lagi, kata mereka. Namun, ramai yang berkumpul tidak yakin yang permuda itu dapat bertahan lama. Dia mula nazak sedang maut mula mencengkam dirinya.</p>
<p>Presenting the Incident</p> <ul style="list-style-type: none"> • Unravelling the mystery • Background information 	<p>Itu lah pengalamanku keluar untuk bergembira dengan teman-temanku yang berakhir dengan suatu kecelakaan yang tidak duga. [Start background] Hari itu adalah hari Sabtu yang biasanya digunakan oleh ramai remaja untuk bersantai bersama teman-teman mereka. Hari Sabtu kali ini adalah lebih istimewa kerana tiga hari sebelumnya keputusan peperiksaan GCE peringkat N telah diumumkan. Aku bersyukur kerana segala jerih-payahku sepanjang tahun berbaloi apabila aku mendapat keputusan peperiksaan yang menggalakkan – empat kepujian daripada emam mata pelajaran yang telah aku ambil. Keceriaanku bertambah apabila aku pelajari bahawa teman-teman rapatku Sofia, Diana dan Afiq juga mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang. Afiq dinobatkan sebagai pelajar terbaik sekolahku kerana pencapaiannya meraih enam kepujian dalam peperiksaan peringkat N itu. Keluarga kami tumpang gembira di atas pencapaian kami. Sanak-saudara dihubungi agar berita pencapaian kami dapat dikongsi bersama mereka. Sepanjang tiga hari kami mendapat panggilan telefon daripada saudara mara yang ingin mengucapkan tahniah. Hanya pada hari Sabtu kami berempat mempunyai kesempatan untuk keluar bersama untuk meraikan kejayaan kami. Seperti biasa kami pergi ke pusat makanan Newton yang popular dengan hidangan-hidangan tempatan. Malangnya, kunjungan kami kali ini berakhir dengan sesuatu kecelakaan yang tidak disangkakan apabila Afiq terlibat dalam insiden tenung-merenung</p>